

UMS terima 200 basikal elektrik

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

► Menerusi program SER1M

UB 12.4.2017 A6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi universiti awam pertama menerima basikal elektrik di bawah program Sikal Elektrik Rakyat 1Malaysia (SER1M).

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili berkata sebanyak 200 basikal elektrik atau 'Electric Pedal Assisted Bicycle' (Epub) diserahkan kepada UMS.

Katanya SER1M adalah program yang dilaksanakan kementerianya melalui Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dengan

peruntukan sebanyak RM4 juta.

Menurutnya adalah inisiatif kerajaan dalam mempromosi dan menggalakkan penggunaan mobiliti rendah karbon dalam kalangan belia.

"Melalui program SER1M, mahasiswa UMS dapat mempelajari mengenai aspek teknikal Epub dan model perniagaan sama ada yang dicadangkan dalam program ini atau mengikut model perniagaan universiti dibawah program Keusahawanan Pelajar.

"Basikal ini boleh dipajak, disewa beli atau dijual kepada pelajar mengikut kesesuaian

pelan perniagaan masing-masing.

"Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk meningkatkan pengalaman dan kemahiran dalam bidang perniagaan," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Pelancaran Program SER1M di UMS, di sini, kelmarin.

Maximus berkata Sabah menerusi UMS menjadi negeri pelopor dalam penggunaan Epub.

Katanya universiti awam lain yang menerima basikal elektrik termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

"Basikal elektrik yang digunakan untuk program ini mematuhi standard Epub iaitu MS 2514 yang dibangunkan oleh SIRIM Berhad khusus untuk basikal elektrik.

"Ia juga keluaran syarikat



MAXIMUS (depan) bersama tetamu jemputan lain menaiki basikal elektrik pada majlis pelancaran Program SER1M di UMS, kelmarin.

tempatan Voltron Malaysia Sdn Bhd dan ia dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 12,500 ton eq CO2 setahun.

"Selain itu, Epub yang diserahkan ini dapat

memanfaatkan kemudahan laluan sikal sedia ada di setiap universiti awam yang terlibat," katanya.

Pada majlis itu, Maximus turut menyerahkan geran peruntukan audit tenaga

kepada UMS bernilai RM55,000.

Menurutnya peruntukan berkenaan dibawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) melalui kemudahan geran bersyarat untuk projek

kecekapan tenaga bagi pemilik bangunan yang menggunakan tenaga elektrik tidak melebihi 100,000kwh sebulan.

Turut hadir ialah Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

“Melalui program SER1M, mahasiswa UMS dapat mempelajari mengenai aspek teknikal Epub dan model perniagaan sama ada yang dicadangkan dalam program ini atau mengikut model perniagaan universiti dibawah program Keusahawanan Pelajar.”

DATUK SERI PANGLIMA DR MAXIMUS ONGKILI

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air